

REPENTANCE CONCEPT PRACTICE IN SYLLABUS OF ISLAMIC EDUCATION AT SEKOLAH HARAPAN MELAKA

PRAKTIK KONSEP TAUBAT DALAM SILIBUS PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH HARAPAN MELAKA

Nur Azyan Baharizanⁱ & A'dawiyah Ismailⁱⁱ

ⁱ Pelajar Sarjana, Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Nurazyana91@gmail.comMalaysia

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. ada@ukm.edu.my

Abstract	<p><i>Teens are often associated with the crisis of self-identity and known to be easily falling into social problems. The cause of this issue is also related with their lack of faith. Therefore, this paper analyzes the concept of repentance as an alternative in guiding the trainees to develop good, disciplined, balanced and harmonial morals through the focus in Islamic Education at Sekolah Harapan Melaka. In Islam, the soul is an essential element of humanity and is commonly referred to as a spiritual element that complements the human's physical element. This study uses qualitative design using content analysis method. The findings reveal that the understanding and focus in Islamic Education at Sekolah Harapan Melaka can help their students to change their behaviours through the process of repentance.</i></p> <p>Keywords: <i>Social, repentance, good, education, Sekolah Harapan.</i></p>
Abstrak	<p><i>Remaja sering dikaitkan dengan krisis identiti diri dan mudah terjerumus ke dalam gejala-gejala sosial yang tidak sihat. Punca keruncingan masalah ini turut dikaitkan dengan faktor kurang penghayatan dalam agama. Oleh itu, kertas kerja ini menganalisis konsep taubat sebagai alternatif dalam memandu pelatih membina akhlak yang baik, berdisiplin, seimbang dan harmonis melalui penghayatan dalam Pendidikan Islam di Sekolah Harapan Melaka. Dalam Islam, jiwa ialah unsur penting pada diri insan dan kebiasaannya dirujuk sebagai elemen spiritual yang melengkapi elemen fizikal insan. Kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Dapatan kajian mendapati bahawa kefahaman dan penghayatan dalam Pendidikan Islam di Sekolah Harapan Melaka berupaya membantu pelajarinya bertindak untuk berubah dalam proses taubat.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Sosial, taubat, baik, pendidikan, Sekolah Harapan.</i></p>

PENDAHULUAN

Kebelakangan ini, Malaysia menghadapi isu sosial yang semakin meruncing. Statistik mencatatkan lebih 300 orang kanak-kanak dan remaja Melayu, 13 hingga 25 tahun didapati terlibat dengan seks luar nikah sehingga menyebabkan kehamilan, pengguguran janin dan pembuangan bayi. Sumber statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) sehingga tahun 2009, julat umur di bawah 25 tahun menyumbang 12% berbanding kumpulan umur 25 tahun ke atas sebanyak 0.06% dan 81.25% tidak diketahui (Sarnon et al, 2012).

Manakala statistik daripada 2005 sehingga 2015, sebanyak 532,158 kelahiran anak luar nikah didaftarkan dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan dalam tempoh yang sama juga, terdapat 526 kes pembuangan bayi (Bernama, 2016). Pelbagai langkah telah dijalankan seperti kempen-kempen kesedaran seperti kempen Anda Bijak Jauhi Zina (ABJZ) yang dianjurkan oleh kerajaan negeri Selangor, namun ia kurang memberi kesan dan dibuktikan dengan statistik pembuangan bayi menunjukkan *trend* peningkatan walaupun ada penurunan (Mohd Anuar & Nik Rasyidah, 2016).

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan pembuangan bayi, antaranya ialah kerosakan akhlak. Ia berpunca daripada masalah jiwa dan rohani yang kosong. Remaja tidak berupaya mengisi roh mereka dengan rasa nikmat ibadah kepada Allah SWT melalui amal ibadah yang dilakukan (Zaharah & Ab Halim, 2010). Sehubungan itu, al-Nahlawi (1979) menegaskan bahawa Pendidikan Islam merupakan penawar serta ubat kepada penyakit sosial dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, faktor-faktor agama khususnya Pendidikan Islam perlu diberi perhatian sewajarnya selaras dengan keperluan dan kepentingan semasa.

Proses tersebut memerlukan kepada inovasi dalam kurikulum Pendidikan Islam terutama sekali kepada remaja hamil luar nikah yang sedang menjalani proses pemulihan di mana-mana pusat yang berkaitan. Pendidikan Islam tersebut perlulah lebih menfokuskan kepada kaedah, pendekatan dan matlamat Pendidikan Islam yang lebih memberi penekanan kepada perubahan minda, penghayatan dan pemantapan jiwa remaja. Antara yang perlu diberi perhatian ialah kefahaman mengenai taubat yang diajar dalam Pendidikan Islam.

Oleh yang demikian, artikel ini menganalisis taubat dalam Pendidikan Islam kerana ia merupakan salah satu proses dalam *tazkiyah al-nafs*. Sehubungan itu, dalam membendung masalah hamil luar nikah yang semakin menular. Kerajaan Negeri Melaka telah mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan Sekolah Harapan Rumah Harapan (SHRH) sebagai usaha membendung gejala pembuangan anak di samping penerapan taubat di dalam diri penghuni agar kembali kepada Allah SWT.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan berdasarkan buku-buku, laporan, dokumen, jurnal, tesis, artikel dan seumpamanya. Kajian ini juga menggunakan kaedah analisis secara deskriptif .

SEKOLAH HARAPAN MELAKA

Sekolah Harapan ini merupakan salah satu inisiatif Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam untuk mengurangkan kadar pembuangan bayi yang semakin berleluasa kini. Sekolah Harapan diwujudkan juga khas bagi remaja wanita yang hamil luar nikah sebagai satu alternatif bagi meneruskan pembelajaran seperti biasa agar mereka tidak keciciran dalam akademik. Hal ini kerana, sekolah-sekolah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak membenarkan para pelatih yang hamil untuk bersekolah sepanjang tempoh kehamilan. Solusi ini telah disahkan pada 10 Ogos 2010 dan sekolah ini telah dibina dan dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan negeri Melaka di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) (Mohd Anuar & Nik Rasyidah, 2016).

Sekolah ini berlainan dengan pusat perlindungan dan pemulihan akhlak yang lain kerana kebanyakannya dimiliki oleh *Non Government Organization* (NGO) dan pihak persendirian. Sekolah Harapan beroperasi pada 17 September 2010 dan dirasmikan oleh YABhg. Datuk Seri Utama Rosmah Mansor pada 21 April 2011. Sekolah ini bertempat di bekas pejabat Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB), Jasin dan mampu menempatkan maksimum seramai 40 orang para pelatih pada satu-satu masa (Nazirah, 2012).

TAUBAT MENURUT ISLAM

Dari segi istilah, Abdul Qadir (2008) berpandangan taubat bererti kembali daripada apa yang tercela di sisi Syarak kepada apa yang terpuji di sisi-Nya. Al-Sahmarani (2000) juga

menjelaskan bahawa taubat ialah kembali kepada Allah SWT dan ketaatan kepada-Nya setelah melakukan maksiat atau dosa. Secara umumnya definisi yang diberikan oleh ulama tentang taubat tidak terkeluar daripada maksud kesedaran individu terhadap keburukan dosa, berhenti daripada melakukannya kerana Allah SWT, disertai penyesalan serta azam untuk tidak mengulanginya, di samping mengerjakan ketaatan dan kebajikan dalam memenuhi hak Allah SWT dan manusia (Sri Rahayu & Khadijah, 2016).

Taubat dari segala dosa yang dilakukan adalah satu kefarduan bagi setiap muslim. Al-Quran telah memberikan penekanan yang serius terhadap taubat. Antara ayat yang jelas tentang taubat dinukilkan oleh Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا تُوبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُكَفِّرَ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَيُدْخِلَكُم جَنَّاتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ﴾

Maksudnya, "Wahai orang-orang yang beriman, bertaubatlah kamu kepada Allah dengan taubat nasuha (murni), mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai" (al-Quran. Al-Tahrim: 8).

Kemudian Allah SWT berfirman:

﴿وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ﴾

Maksudnya, "Sesiapa yang tidak bertaubat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim" (al-Quran. Al-Hujurat: 11).

Dua ayat Allah SWT di atas jelas menunjukkan kewajipan orang yang beriman agar bertaubat dengan penuh keikhlasan jika tidak mereka akan tergolong dalam kalangan orang yang zalim. Sedangkan orang-orang yang zalim tidak dikurniakan kejayaan, tidak dikasihi dan tidak diberi petunjuk oleh Allah SWT. Maka bersegera dalam melaksanakan taubat merupakan asas penyucian hati serta dapat menghalang dosa-dosa daripada menyeliputi hati yang akhirnya menjadi hitam.

Seperti yang dijelaskan oleh imam al-Ghazali, terdapat tiga asas penting dalam bertaubat iaitu ilmu pengetahuan, keinginan dan perlaksanaan (al-Qaradawi, 2012). Ilmu merupakan faktor utama segala kebaikan kerana ilmu akan membawa kepada iman dan yakin. Menurut imam al-Ghazali (1995) lagi, iman akan mengingatkan tentang balasan dosa oleh Allah SWT di akhirat, manakala yakin pula memastikan apa yang diimani itu pasti akan berlaku. Maka tidak hairanlah Allah SWT mendahulukan perintah mencari ilmu sebelum perintah memohon keampunan:

﴿فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاسْتَغْفِرْ لِذَنبِكَ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ﴾

Maksudnya, "Maka ketahuilah, bahawa sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Allah dan mohonlah keampunan bagi dosa kamu dan dosa-dosa orang-orang yang terdahulu yang beriman, lelaki mahupun perempuan". (al-Quran. Muhammad: 19).

Oleh yang demikian, taubat perlulah dimulai dengan pengetahuan dan kesedaran tentang kedudukan Allah SWT, keagungan hakNya ke atas hambaNya, serta pemurahnya Allah SWT terhadap hamba-Nya melalui nikmat yang diberi. Begitu juga ilmu pengetahuan tentang bahaya dosa serta kedudukannya sebagai penghalang antara hamba dengan TuhanNya (al-Qaradawi, 2012).

Melalui pengetahuan dan kesedaran akan terbentuklah keinginan untuk bertaubat kerana ia mendorong hati ke arah penyesalan yang mendalam serta membentuk azam yang tekad (al-Ghazali, 1995). Tambahan pula, penyesalan merupakan rukun yang terpenting dalam taubat kerana penyesalan akan disusuli dengan dua rukun yang lain iaitu keazaman dan peninggalan. Mustahil bagi seseorang yang menyesali perbuatannya tetapi tetap meneruskan atau berazam mengulangi perbuatan tersebut.

Selain daripada ilmu pengetahuan dan keinginan, taubat juga tidak akan sempurna jika tidak dizahirkan secara amali. Meninggalkan maksiat serta merta dianggap amali taubat kerana seseorang itu akan menahan dirinya daripada maksiat yang disukainya kepada ketaatan yang diwajibkan ke atas dirinya. Menurut imam al-Ghazali penahanan ini dikenali sebagai *riyadah al-nafs* dan *mujahadah al-nafs*. Selain menahan diri daripada nafsu, amalan yang perlu dilaksanakan dalam proses taubat ialah mohon keampunan melalui *istighfar*, berhijrah daripada persekitaran yang negatif kepada positif dan akhir sekali menyusuli keburukan dengan kebaikan (al-Qaradawi, 2012).

Selain daripada tiga asas tersebut, Yusuf al-Qaradawi (2012) berpendapat terdapat satu lagi asas yang penting dalam menyempurnakan proses taubat iaitu keikhlasan dalam bertaubat kepada Allah SWT. Membebaskan diri daripada maksiat, menyesal dan berazam untuk tidak mengulangi dosa yang lalu semuanya perlu dilakukan semata-mata kerana Allah SWT, tamakkan pahala daripada-Nya dan takutkan hukuman-Nya.

Oleh itu, taubat sangat berdamping rapat dengan empat perkara iaitu ilmu tentang Allah SWT, keinginan untuk bertaubat, perbuatan meninggalkan dosa dan keikhlasan bertaubat semata-mata kerana Allah SWT. Meninggalkan salah satu darinya akan menjadikan proses taubat itu tempang malah tidak mencapai matlamat taubat itu sendiri.

TAUBAT DALAM SILIBUS PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH HARAPAN

Pelajar Sekolah Harapan Melaka adalah terdiri daripada remaja hamil luar nikah. Oleh itu, silibus pengisian program lebih ditumpukan kepada program kerohanian Islam bagi mendidik hati pelajar untuk menginsafi kesalahan yang dilakukan seterusnya bertaubat, mengukuhkan diri dengan ilmu agama dan mengamalkannya. Program kerohanian Islam yang dipraktikkan oleh pihak Sekolah Harapan adalah berdasarkan silibus agama yang dikeluarkan oleh Jabatan Agaama Islam Melaka (JAIM) (Nazirah, 2015).

Modul asas Islam yang diterapkan di Sekolah Harapan Melaka melalui silibus Pendidikan Islam adalah terdiri daripada mata pelajaran Tilawah al-Quran, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab dan Jawi. Pemahaman tentang konsep taubat ditekankan dalam mata pelajaran Akidah manakala praktikal taubat pula ditekankan dalam mata pelajaran Ibadah (Mohd Anuar & Nik Rasyidah, 2016). Selain itu, bertepatan dengan matlamat penubuhan Sekolah Harapan iaitu para pelatih tidak kecikiran dalam akademik maka taubat juga merupakan salah satu pendekatan berbentuk spiritual yang dapat mensucikan hati dan dalam masa yang sama dapat meningkatkan tahap motivasi dalam diri pelatih untuk terus belajar (Salasiah et. al, 2015).

Dalam mata pelajaran akidah, para pelajar diterapkan dengan akidah yang sahih serta pengukuhan iman terhadap keEsaan Allah SWT di samping kepercayaan kepada rukun iman yang enam iaitu keimanan kepada Allah SWT, malaikat, rasul, kitab, hari kiamat serta qada' dan qadar (Nazirah, 2015). Penerapan akidah yang sahih serta pengetahuan tentang hukum-hakam dalam Islam serta tarbiyah dalaman yang kuat merupakan asas yang penting dalam proses mencegah dan memulihkan individu yang terlibat dengan masalah berisiko (Ahmad Tarmizi et.al, 2017). Hal ini kerana, mengenal Allah SWT adalah perkara yang paling utama dalam agama kerana tujuan utama kejadian manusia ialah semata-mata beribadah kepadaNya. Firman Allah SWT:

﴿وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ﴾

Maksudnya, "Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah-Ku" (al-Quran. Al-Dhariyat: 56).

Selain itu, dakwah Rasulullah SAW dimulai dengan pendidikan ilmu akidah kepada sahabat sebelum mereka mempelajari ilmu yang lain. Bertepatan dengan firman Allah SWT:

﴿وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَمَةِ﴾

Maksudnya, "Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhhlaskan ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah Agama yang benar" (al-Quran. Al-Bayyinah: 5).

Penerapan ilmu akidah mampu menyedarkan pelajar tentang kedudukannya sebagai hamba di sisi Allah SWT serta tahu tentang *taklif* yang terletak dibahunya sebagai khalifah di muka bumi. Kesedaran serta penghayatan ini akan membawa kepada keinsafan diri serta mencetuskan penyesalan tentang dosa-dosa yang dilakukan akan dibalas oleh Allah SWT di akhirat kelak sekali gus meruntunkan nafsunya supaya terus tunduk dan patuh kepada kewajipan Allah SWT ke atas dirinya (Ghazali Darusalam, 2001).

Hal ini kerana, dalam menjalani proses taubat, tidak mungkin sifat buruk seseorang dapat diubah secara tiba-tiba. Maka, Pendidikan Islam di Sekolah Harapan memulakan proses taubat dengan pembinaan kefahaman dan kepercayaan dalam diri pelajar. Setelah kefahaman dan kepercayaan terbina, barulah proses taubat seterusnya dapat dilaksanakan iaitu dengan menyesali dosa yang lalu dengan cara membuang sifat-sifat buruk yang ada pada diri dilakukan sedikit demi sedikit.

Proses taubat melalui pembinaan kefahaman dan kepercayaan tentang akidah Islam sahaja akan tidak sempurna jika tidak disusuli kelaziman dalam amalan ibadah. Maka ilmu ibadah merupakan mata pelajaran yang amat ditekankan dalam Pendidikan Islam di Sekolah Harapan. Berdasarkan silibus yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), praktikal taubat dimasukkan dalam mata pelajaran Ibadah. Maka dalam topik taubat, pelajar mempelajari tentang hakikat manusia, pengertian taubat, tingkatan, syarat, cara dan hikmahnya dan punca-punca maksiat. Maka pendekatan nasihat dan bimbingan telah digunakan oleh guru Pendidikan di Sekolah Harapan dalam membahaskan topik ini. Pendekatan ini menjadi lebih berkesan apabila disertai dengan penggunaan hujah yang rasional, bahasa yang baik serta penjelasan yang mudah difahami dan diterima (Nurul Husna, 2016) sehingga mampu merangsang dan menggalakkan pelajar untuk berubah dan bertaubat.

Selain itu, topik taubat juga turut menekankan aspek praktikal seperti solat, zikir dan doa. Ketiga-tiga amalan ini mempunyai hikmahnya tersendiri. Namun hikmah ini akan terhasil jika disertakan dengan kekhusyukan dan niat yang ikhlas. Oleh itu, guru mata pelajaran Ibadah di Sekolah Harapan tidak hanya mengajar tentang praktikal taubat semata tetapi turut menerangkan serta memahamkan pelajar tentang maksud di sebalik lafaz-lafaz yang diungkap dalam solat, zikir mahupun doa. Hal ini kerana khusyuk akan terhasil daripada iman dan keyakinan setelah memahami apa yang dibaca dan dilafazkan (Nurul Husna, 2016). Pemahaman dalam setiap lafaz melahirkan rasa keagungan Allah SWT, merasa takut kepada-Nya kerana mengenal dan merasakan kehebatan kekuasaannya, mengharapkannya kerana mengenal kelembutan dan mengakui kelemahan dan keaiban diri.

Oleh itu, mempelajari ilmu ibadah serta mengamalkannya dengan ikhlas merupakan salah satu proses taubat kerana ibadah mampu membersihkan hati dan jiwa serta menanam perasaan benci terhadap perbuatan keji dan mungkar. Ibadah merupakan tanda bahawa hamba mengingati Tuhannya. Maka pelaksanaan ibadah membuah ketenangan hati, fikiran, menanamkan rasa syukur, sabar dan tidak mudah berputus asa (Ghazali Darusalam, 2001). Oleh itu, melalui mata pelajaran, ibadah pelajar dapat membentuk keperibadian insan yang soleh, menunjukkan kepatuhan dan ketaatan kepada Allah SWT dan dapat memperoleh sifat-sifat ihsan. Selain itu, pendidikan ibadah memainkan peranan penting dalam mendidik diri tentang amali taubat selain daripada amali ibadah-ibadah yang lain

Justeru, dalam menjalani proses taubat, Sekolah Harapan telah menyediakan kandungan Pendidikan Islam yang bercorak kerohanian yang diisi secara berterusan dan diikuti dengan penghayatan serentak. Seterusnya dalam merealisasikan proses taubat, pendekatan beransur-ansur turut digunakan bagi memantapkan lagi penerimaan dan

pemahaman pelajar terhadap tanggung jawab seorang Muslim supaya tidak terasa terbeban. Oleh itu, usaha-usaha ke arah pemulihan dan pembentukan manusia berakhlak terutama sekali dalam kalangan pelajar Sekolah Harapan memerlukan suatu proses latihan dan pendedahan supaya menjadi kebiasaan dan kelaziman.

PENUTUP

Taubat merupakan salah satu pendekatan kerohanian untuk mensucikan jiwa. Manusia tidak dapat lari daripada dosa. Oleh kerana itulah sebaik-baik pendosa adalah mereka yang bersegera dalam bertaubat. Dengan bertaubat jiwa akan menjadi bersih yang akan selalu menuju kebenaran untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Oleh itu, penerapan konsep taubat ke dalam diri pelajar Sekolah Harapan melalui Pendidikan Islam memainkan peranan yang besar dalam membantu memulihkan jiwa mereka daripada dikongkong oleh hawa nafsu dan berupaya membantu pelajarannya bertindak untuk berubah dalam proses taubat.

Selain itu, pemahaman dan penghayatan tentang konsep taubat mampu memberi kekuatan jiwa dan keyakinan yang tinggi kepada pelajar sebagai bekalan mereka sepanjang menjalani kehidupan selepas tamat tempoh di Sekolah Harapan. Justeru, penekanan terhadap taubat bukan sahaja di Sekolah Harapan malah di mana-mana pusat pemulihan akhlak yang lain ini perlu diberi perhatian dan penekanan yang serius agar gejala hamil luar nikah ini dapat dibendung daripada akar umbi.

RUJUKAN

- Ulwan, Abdullah Nasih. 1989. *Menuju Ketakwaan*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam. Ter. Mohd, Kamal Mahyuddin Harun
- Abdul Qadir Isa. 2008. *Haqa'iq Tasawwuf*. Tiada Penerbit.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin & Asmawati Suhid. 2016. *Proses Murabatah Al-Nafs Menurut Perspektif Al-Ghazali Bagi Membangunkan Individu Seimbang Dan Holistik*. Jurnal al-Anwar. Vol. 2
- Al-Ghazali. 1995. *Taubat dan Liku-likunya*. Singapura: Pustaka Islamiyah PTE. Ter. Syed Ahmad Semait.
- Al- Sahmarani, As'ad. 2000. *Al-Tasawwuf Mansha'uhu wa Mustalahatu*. Lubnan: Dar al-Nafa'is
- Ghazali Darusalam. 2001. *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd.
- Mardzelah Makhsin. 2012. *Hisbah Dan Penghayatan Murid-murid Sekolah Menengah*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Muhammad Salih Samak. 1980. *Ilmu Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Titiwangsa Sdn. Bhd. Terj. Mohd Marzuki Shafie & Mohamed Abdul Kadir.
- Al-Nahlawi, Abd al-Rahman. 1979. *Usul al-Tarbiyah al-Islamiyyah wa Aslibuha fi al-Bayt wa al-Madrasah wa al-Mujtama'*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Nazirah Kamal Basah. 2012. *Pendekatan Spiritual Islam dalam Menangani Gejala Hamil Luar Nikah di Sekolah Harapan Negeri Melaka*. Tesis Sarjana Jabatan Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nazzwardi Abu Bakar Aly. 2000. *Muqaddimah Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Nurul Husna Mansor. 2016. *Modul Keagamaan Untuk Pelajar Hamil Luar Nikah Di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor: Kajian Pelaksanaan dan Masalah*. T.tp: t.pt.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 2012. *Astaghfirullah AmpunanMu Ya Allah Aku Harapkan*. Selangor: Syabab Book Link. Ter. Mohamad Zaini Yahya
- Salasiah Hanin Hamjah, Zainab Ismail, Fariza Md. Sham, Rosmawati Mohd Rasit & 'Adawiyah Ismail. 2015. *Spiritual Approach in Managing Work-Related Stress of Academicians*. Procedia - Social and Behavioral Sciences Vol.174.

Sarnon, N., Mohamad, M. S., Fauziah, I., Alavi, K., Nen, S., Hoesni, S. M., Zaizul, R., et al. 2012. *Hamil Luar Nikah: Memahami Remaja Sebagai Asas Intervensi Keluarga*. Journal of Social Sciences and Humanities Vol. 7.

Sri Rahayu Haji Dollah, Khadijah Mohd Hambali@Khambali. 2016. *Konsep Taubat Menurut Islam dan Kristian*. Jurnal Afkar Vol. 18.

Zaharah Hussin & Ab. Halim Tamuri. 2010. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Peny. Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zuridan Mohd Daud. 2010. *Penyucian Jiwa*. Kuala Lumpur: Mustread Sdn. Bhd.

Internet

Kurikulum Pendidikan Islam.

http://elearnmap.ipgkti.edu.my/resource/edu3053/sumber/hypermart.net/LAMa n%20Pandu%20Utama/kurikulum_pendidikan_islam.htm# (diakses pada 5 Januari 2018).

Statistik Hamil Luar Nikah.

<http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/10/jpn-daftar-lebih-setengah-juta-anak-luar-nikah/> (diakses pada 21 Februari 2018).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh/timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.